



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
(Ministry of Health Malaysia)
Bahagian Sumber Manusia
Aras 9 & 10, Blok E7, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 PUTRAJAYA

Tel. : 03-8000 8000
Web : www.moh.gov.my

Ruj. Kami : KKM.S.500-2/30/40 Jld. 2 (6)
Tarikh : 22 Januari 2025

SEPERTI DI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/ Dato'/ Dr./ Tuan/ Puan,

URUSAN KENAIKAN PANGKAT BAGI SKIM PERKHIDMATAN PEMBANTU PEMBEDAHAN PERGIGIAN GRED U24 (U2) KE GRED U26 (U3) DI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA


Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Bahagian Sumber Manusia (BSM) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan melaksanakan urusan kenaikan pangkat bagi skim perkhidmatan **Pembantu Pembedahan Pergigian Gred U26 (U3)** dan tawaran ini terbuka hanya kepada Pembantu Pembedahan Pergigian Gred U24 (U2) yang sedang memangku Gred U26 (U3) mulai **22.07.2024**. Senarai nama pegawai yang telah dikenal pasti untuk dipertimbangkan dalam urusan ini adalah seperti di **Lampiran A**. Tawaran ini juga terbuka kepada pegawai yang telah memangku Gred U26 (U3) **melebihi enam (6) bulan tetapi tiada dalam senarai nama yang dilampirkan**.

3. Bagi melaksanakan urusan ini, dimohon kerjasama YBhg. Datuk/ Dato'/ Dr./ Tuan/ Puan untuk mengemukakan maklumat sebagaimana yang diperlukan seperti perincian berikut:

- (a) **Cabutan** Buku Rekod Perkhidmatan **mulai** : 1 salinan
01 Januari 2024
- (b) **Borang NP(S) 8.2 Pindaan 2023** : 1 salinan
- (c) Pengesahan Markah Laporan Nilai Prestasi : 1 salinan
Tahunan (LNPT) Tahun 2021, Tahun 2022, Tahun 2023 dan Laporan Nilai Prestasi Khas (LNPK)
Tahun 2024

(Sila catatkan rujukan surat ini apabila menjawab)




CERTIFIED TO ISO 9001 :2015
CERT NO : QMS 03659



CERTIFIED TO ISO 9001 :2015
CERT NO : QMS 03659

4. Sekiranya pegawai yang terlibat membuat penangguhan melaporkan diri dalam urusan pemangkuan ke Gred U26 (U3), dimohon agar mengemukakan sesalinan **surat kebenaran penangguhan** oleh Ketua Jabatan. Sekiranya pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ Dr./ Tuan/ Puan tidak memperakukan kenaikan pangkat pegawai berkenaan, perakuan secara bertulis berserta salinan dokumen sokongan yang berkaitan perlu dikemukakan kepada BSM, KKM.

5. **Tarikh tutup permohonan** bagi urusan kenaikan pangkat ini adalah pada **21 Februari 2025 (Jumaat)**. Kerjasama YBhg. Datuk/ Dato'/ Dr./ Tuan/ Puan dalam memastikan semua dokumen adalah lengkap sebagaimana senarai semak di **Lampiran B** dan dikemukakan pada tarikh yang ditetapkan amatlah dihargai. Dimaklumkan juga surat edaran/ iklan dan borang berkaitan dengan urusan kenaikan pangkat ini boleh dimuat turun melalui portal rasmi KKM atau diakses melalui Kod Pautan Pantas (Kod QR) berikut:



6. Dokumen perakuan kenaikan pangkat bagi urusan ini hendaklah dihantar ke alamat seperti berikut:

Bahagian Sumber Manusia
Unit Naik Pangkat (Pelaksana)
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 9, Blok E7, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 W. P. PUTRAJAYA
(u.p.: **Encik Mohd Asrul bin Ismail**)

7. Sukacita diingatkan juga dalam pertimbangan sesuatu urusan kenaikan pangkat, adalah menjadi tanggungjawab pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ Dr./ Tuan/ Puan untuk memastikan **perakuan Penyelia dan Ketua Jabatan dilaksanakan secara telus mengikut peraturan yang sedang berkuat kuasa**. Untuk makluman, LKP I KKM memandang serius perkara ini dan memutuskan agar surat teguran diberikan kepada mana-mana penyelia dan Ketua Jabatan yang membuat perakuan pemangkuan/ kenaikan pangkat yang tidak selari dengan prestasi semasa pegawai.

8. **Ketua Jabatan** juga **bertanggungjawab** memastikan **tindakan tatatertib** bagi pegawai yang mempunyai rekod Tidak Hadir Bertugas (THB) **telah selesai dilaksanakan**. Laporan tindakan tatatertib hendaklah dimaklumkan kepada urus setia dengan segera supaya urusan pengesahan kenaikan pangkat pegawai tidak terjejas.

9. Kerjasama YBhg. Datuk/ Dato'/ Dr./ Tuan/ Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahulukan dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(RAJA SURIATI BINTI RAJA SULAIMAN)

Bahagian Sumber Manusia

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Kesihatan Malaysia

SENARAI EDARAN:

- Setiausaha Bahagian
Bahagian Pengurusan Latihan
- Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Perlis
- Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Kedah
- Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang
- Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Perak
- Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor
- Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan
- Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Melaka
- Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Johor
- Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Pahang
- Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu
- Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan
- Pengarah
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya
- Pengarah
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Labuan

Mohon panjangkan kepada
semua Institusi Latihan KKM
di bawah BPL


SENARAI EDARAN:

- Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Sabah
- Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak
- Pengarah
Hospital Kuala Lumpur
- Pengarah
Hospital Tunku Azizah Kuala Lumpur

LAMPIRAN B


**SENARAI SEMAK (CHECKLIST) BAGI URUSAN KENAIKAN PANGKAT
JAWATAN KUMPULAN PELAKSANA, KKM**

Sila pastikan dokumen yang dihantar adalah lengkap dan disusun dengan kemas mengikut susunan berikut.

	ADA	/	TIADA
1. Borang NP(S) 8.2 Pindaan 2023 (Muat turun melalui Kod QR berikut)	<input type="checkbox"/>	/	<input type="checkbox"/>
			
2. Lampiran 1 – Pengesahan Markah LNPT 2021, 2022,2023 (Sila sertakan salinan LNPT 3 tahun terakhir bagi mukasurat pertama yang memaparkan nama/maklumat pegawai dan mukasurat yang mengandungi jumlah markah keseluruhan LNPT sahaja)	<input type="checkbox"/>	/	<input type="checkbox"/>
3. Salinan LNPK 2024	<input type="checkbox"/>	/	<input type="checkbox"/>
4. Cabutan salinan Penyata Perkhidmatan pegawai yang mengandungi nama, jawatan (maklumat pelantikan serta pengesahan dalam perkhidmatan) dan catatan mulai Januari 2024 sehingga kini	<input type="checkbox"/>	/	<input type="checkbox"/>
5. Salinan surat kebenaran Ketua Jabatan (jika ada penangguhan lapor diri untuk pemangkuan)	<input type="checkbox"/>	/	<input type="checkbox"/>

**SENARAI NAMA PEGAWAI YANG TERLIBAT DENGAN URUSAN KENAIKAN PANGKAT
BAGI PEMBANTU PEMBEDAHAN PERGIGIAN GRED U24 KE GRED U26
TARIKH PEMANGKUAN : 22 JULAI 2024**

BIL	NAMA	PENEMPATAN PEMANGKUAN
1	RATNA SURIANI BINTI DESA	WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR & PUTRAJAYA


MOHD ASRUL BIN ISMAIL
Penolong Setiausaha Kanan
Unit Naik Pangkat (Pelaksana)
Bahagian Sumber Manusia
Kementerian Kesihatan Malaysia

20/1/2025

K.M.S. 500-2/30/40 JLO. 2 (6)

LAMPIRAN A

SENARAI NAMA CALON YANG DILULUSKAN PEMANGKUAN
BAGI JAWATAN PEMBANTU PEMBEDAHAN PERGIGIAN GRED U24 KE GRED U26
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

TARIKH KUAT KUASA : 22 JULAI 2024 (ISNIN)

BIL.	NAMA	NO. KAD PENGENALAN	NEGERI BERTUGAS	PENEMPATAN	MAKLUM BALAS
1	RATNA SURIANI BINTI DESA	740503-02-5220	HOSPITAL KAJANG, JKN SELANGOR	JKWPKL & PUTRAJAYA	TERIMA

Disemak oleh :



Nama : NUR ANTI'INAH BALQIS BINTI BAISOL
Jawatan : Penolong Pegawai Tadbir Kanan
Unit Paramedik dan Auksiliari 2
Bahagian Sumber Manusia
Kementerian Kesihatan Malaysia

Tarikh : 5 Disember 2024